

Headline	Inovasi MPS hasilkan semburan nyamuk daripada minyak masak terpakai		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	26 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A11	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 587
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,761



Inovasi MPS hasilkan semburan nyamuk daripada minyak masak terpakai

CYBERJAYA: Majlis Perbandaran Sepang (MPS) menjadi pihak berkuasa tempatan pertama diiktiraf Malaysia Book of Records (MBOR) susulan kejayaannya menghasilkan semburan pembasmi nyamuk aedes 'Aedes Bio-Based Fuel' (ABBF) menggunakan minyak masak terpakai.

Yang Dipertua MPS Datuk

Puasa Md Taib berkata ABBF dibangunkan dengan kerjasama Institut Penyelelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sejak 2015, dan produk itu kini diguna di lokaliti terpilih seperti Taman Dengkil Jaya sebagai percubaan.

"Produk akan dipatenkan dan didaftarkan dalam waktu terdekat supaya pengguna-

naannya boleh diperluas," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Katanya MPS merancang menggunakan ABBF di kawasan yang merekodkan peningkatan kes demam denggi.

Antara kelebihan ABBF ialah mempunyai kesan membunuh nyamuk sama seperti semburan diesel,



mengurangkan kesan toksik, tidak memedihkan mata atau meninggalkan bau serta asap yang tidak selesa.

ABBF juga mengurangi-

kan risiko kesihatan kepada pekerja yang melakukan aktiviti semburan dan mereka yang terdedah kepada asap semburan selain mesra alam sekitar.

Pada majlis semalam, Puasa menerima sijil MBOR dari Penolong Pengurus MBOR Ayman Izzaz.

Mengulas lanjut, Puasa berkata kekangan yang di-

hadapi oleh MPS pada masa ini ialah bekalan minyak masak terpakai yang menghasilkan sekurang-kurangnya 80 peratus ABBF.

Katanya secara purata setiap tan minyak masak terpakai menghasilkan sekurang-kurangnya 80 peratus ABBF.

"Pada masa ini MPS membeli bekalan minyak masak dari pengerusahamakan di kompleks beli-belah sekitar Sepang menerusi satu persefahaman," kata Wan Asma. — Bernama